

7 MAR 1996

Shahidan-Pendidikan

SHAHIDAN YAKIN PROGRAM 4P KEMBALIKAN KEGEMILANGAN PENDIDIKAN PERLIS

KANGAR, 7 Mac (Bernama) -- Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim yakin pencapaian akademik pelajar Perlis akan terus berkembang pesat melalui pelaksanaan Program Peningkatan Prestasi Pelajar (4P).

Program itu yang diperkenalkan awal tahun ini juga diharap akan membantu kegemilangan Perlis sebagai negeri paling cemerlang pencapaiannya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan peperiksaan-peperiksaan utama yang lain pada masa akan datang.

Katanya, meskipun kedudukan Perlis kini ditangga kedua selepas Melaka dalam keputusan SPM yang diumumkan hari ini, beliau berpuas hati dengan pencapaian keseluruhan calon-calon peperiksaan itu yang meletakkan Perlis melepasi garis pencapaian kebangsaan.

Perlis mencatat pencapaian 70.4 peratus berbanding Melaka yang mencatat kelulusan 70.5 peratus.

Shahidan yang dihubungi sebelum berlepas ke Vietnam bersama-sama rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, berkata kerajaan negeri telah memperuntukkan RM2 juta untuk melaksanakan program berkenaan.

Melalui program itu, sebanyak 49,635 pelajar sekolah menengah dan rendah di Perlis akan menikmati kemudahan kelas tuisyen percuma di sekolah masing-masing.

Shahidan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri berkata program itu juga dapat menghindarkan pelajar daripada gejala kurang sihat kerana mereka mempunyai masa yang lebih panjang di sekolah.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pendidikan Perlis, Yussoff Din berkata pihaknya akan mengadakan taklimat khas mengenai program itu kepada semua wakil rakyat dan ketua jabatan pada 11 Mac ini.

Selain itu, guru-guru di seluruh Perlis juga sedang diberi taklimat yang sama malah ada sekolah yang telah melaksanakan program itu, katanya.

-- BERNAMA

AD NMO